



PANDUAN EJEN KASTAM DI BAWAH SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Bahagian Perkastaman

Putrajaya

14 Oktober 2019

Penerbitan

Tarikh: 14 Oktober 2019

Notis Hakcipta

Hakcipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hakcipta terpelihara, tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Panduan ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang dasar perlantikan dan pembaharuan kelulusan ejen kastam. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah perlantikan dan pembaharuan kelulusan ejen kastam secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1. SIAPA ITU EJEN KASTAM?	1
2. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON?	1
3. SYARAT-SYARAT KELULUSAN EJEN KASTAM	2
4. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON?	7
5. TEMPOH KELULUSAN	8
6. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN PEMBAHARUAN?	9
7. BAGAIMANA JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT?	10
8. BAGAIMANA EJEN KASTAM BOLEH DILANTIK?	10
9. PENAMBAHAN KAKITANGAN SYARIKAT YANG BERURUSAN DENGAN JABATAN	11
10. PAS PENGENALAN EJEN	12
11. TINDAKAN SALAH LAKU	13
12. PEMBATALAN / PENAMATAN KELULUSAN	13

1. SIAPA ITU EJEN KASTAM?

- Di bawah peruntukan Seksyen 90 Akta Kastam 1967, ejen kastam boleh bertindak untuk menjalankan urusan pelepasan barang-barang dari kawalan kastam bagi pihak:
 - (i) Pengimport; dan
 - (ii) Pengeksport.
- Ejen kastam terdiri daripada:
 - (i) Ejen penghantaran; dan
 - (ii) Ejen perkapalan.

2. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON?

- Permohonan baru adalah terbuka kepada semua syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
 - (i) Permohonan baru sebagai ejen penghantaran
 - Permohonan baru sebagai ejen penghantaran telah dibekukan oleh Jemaah Menteri semenjak 10 Oktober 2007 dan masih lagi berkuatkuasa sehingga kini.
 - Walau bagaimanapun, syarikat yang diluluskan status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services, IILS*) oleh Malaysia International Development Authority (MIDA) dibenarkan untuk membuat permohonan baru sebagai ejen

penghantaran tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

(ii) Permohonan baru sebagai ejen perkapalan

- Permohonan baru sebagai ejen perkapalan adalah masih dibuka.

3. SYARAT – SYARAT KELULUSAN EJEN KASTAM

3.1. Modal Berbayar

(i) Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

- Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM 50,000.00.

(ii) Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016

- Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM 100,000.00.

3.2. Menghadiri Kursus dan Lulus Peperiksaan Yang Ditetapkan Oleh Jabatan

- Terdapat dua kursus berkenaan ejen kastam yang ditawarkan, iaitu:

- (i) Kursus Ejen Kastam (KEK); dan
 - (ii) Kursus Ejen Perkapalan (KEP).
- KEK dan KEP adalah merupakan kursus anjuran Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan lain-lain badan atau pertubuhan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.
 - KEK dan KEP boleh disertai dengan menghubungi pihak AKMAL, UUM atau mana-mana persatuan ejen.
 - Syarat minima telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya dua orang wakil syarikat diwajibkan untuk menghadiri kursus dan lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Jabatan, yang terdiri daripada:
 - (i) Seorang pengarah atau pengurus; dan
 - (ii) Seorang kakitangan yang berurusan dengan Jabatan.
 - Walau bagaimanapun, kakitangan syarikat yang berurusan dengan Jabatan adalah digalakkan untuk memiliki sijil KEK / KEP bagi tujuan pemahaman dan pematuhan ke atas undang-undang dan prosedur perkastaman yang berkuatkuasa.
 - Mana-mana pengarah atau pengurus atau kakitangan syarikat yang telah menghadiri KEK adalah dikecualikan daripada menghadiri KEP.

- Sekiranya berlaku perletakan jawatan pengarah atau pengurus atau kakitangan syarikat yang memiliki sijil kursus, syarikat diberikan tempoh selama tiga (3) bulan untuk mendapatkan pengganti.
- Bagi pemohon yang berkecualan untuk mendapatkan pengecualian daripada menghadiri kursus dan lulus peperiksaan di bawah Seksyen 90(3) Akta Kastam 1967, permohonan hendaklah dikemukakan melalui format borang yang boleh didapati daripada Unit Kawalan Ejen Negeri yang mengawal.
- Permohonan pengecualian yang diluluskan akan diberikan Sijil Pengecualian Daripada Menghadiri Kursus Dan Lulus Peperiksaan.

3.3. Hadir dan Lulus Sesi Temuduga

- Satu sesi temuduga akan dijalankan bagi setiap permohonan baru untuk menilai pengalaman dan pengetahuan pemohon berkenaan dengan peraturan dan prosedur perkastaman dalam urusan import dan eksport.
- Pengarah atau pengurus dan kakitangan syarikat yang memiliki sijil KEK / KEP hendaklah menghadiri sesi temuduga.

3.4. Syarat Penyertaan Bumiputera

- Syarikat yang telah mendapat kelulusan ejen kastam hendaklah sentiasa memenuhi kehendak syarat penyertaan Bumiputera bagi setiap kriteria berikut:

- ✓ Modal saham; dan
- ✓ Ahli lembaga pengarah; dan
- ✓ Kakitangan pengurusan; dan
- ✓ Kakitangan sokongan.

(i) Ejen penghantaran

a. Syarikat ejen penghantaran yang telah didaftarkan sebagai ejen kastam sebelum tahun 1976:

- i. Dikecualikan daripada syarat penyertaan Bumiputera; dan
- ii. Dimiliki oleh warganegara Malaysia sepenuhnya.

b. Syarikat ejen penghantaran yang telah didaftarkan sebagai ejen kastam di antara tahun 1976 sehingga tahun 1990:

- i. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.

c. Syarikat ejen penghantaran yang telah didaftarkan sebagai ejen kastam selepas tahun 1990:

- i. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 51%.

(ii) Ejen perkapalan

- Syarikat ejen perkapalan adalah tidak tertakluk kepada syarat penyertaan Bumiputera.
- Sekiranya syarikat memiliki kedua-dua kelulusan ejen penghantaran dan ejen perkapalan, syarat penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan untuk ejen penghantaran hendaklah dipatuhi oleh syarikat tersebut.
- Selain itu, pengecualian ke atas syarat penyertaan Bumiputera ini juga diberikan kepada syarikat-syarikat berikut:
 - (i) Syarikat yang telah mendapat kelulusan status ILS daripada MIDA;
 - (ii) Syarikat yang tersenarai di dalam Bursa Saham Malaysia.

3.5. Syarat-syarat Am

- Selaras dengan peruntukan Seksyen 90(1)(aa) Akta Kastam 1967, syarikat yang bertindak sebagai ejen kastam hendaklah berdaftar sebagai orang kena cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
- Syarikat mestilah memiliki pejabat dan kemudahan operasi yang lengkap sekurang-kurangnya peralatan pejabat seperti telefon, emel, mesin fotostat, papan tanda perniagaan dan memiliki sistem *Front End Software* di premis masing-masing bagi tujuan pengiklanan kastam.

- Setiap syarikat dikehendaki mengemukakan cagaran bernilai RM10,000.00 dalam bentuk Bon Am mengikut format Borang Kastam No. 18.
- Semua tunggakan duti / cukai hendaklah dijelaskan kepada Jabatan sebelum permohonan pembaharuan diluluskan.
- Ejen kastam hendaklah sentiasa mengamalkan *due diligence* dan Kod Etika Ejen Kastam.
- Syarikat ejen kastam dan kakitangannya tidak boleh terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam frod kastam, penyeludupan, atau mana-mana salah laku yang bertentangan dengan undang-undang dan Kod Etika Ejen Kastam.
- Kebenaran ejen kastam yang diluluskan tidak boleh disewa, dipindah hak milik atau diserahkan kepada mana-mana pihak luar bagi tujuan urusan pelepasan kastam.

4. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON?

- Permohonan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri dengan menggunakan format borang yang boleh didapati daripada Unit Kawalan Ejen Negeri yang mengawal.
- Salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh Pendaftar Syarikat hendaklah disertakan bersama:

- ✓ Sijil Pendaftaran Perniagaan / *Memorandum & Articles of Association*;
 - ✓ Maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) syarikat yang terkini;
 - ✓ Sijil Pendaftaran (R.22 Pindaan 1/86) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (bagi Negeri Sarawak sahaja);
 - ✓ Pengesahan Pendaftaran Nama Perniagaan (*Extract of Registration of Business Name*) (bagi Negeri Sarawak sahaja);
 - ✓ Borang 1-I.R.D No. 7 yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (bagi Negeri Sarawak sahaja);
 - ✓ Lesen Berniaga (*Trading License*) (bagi Negeri Sabah sahaja);
 - ✓ Sijil Kursus Ejen Kastam (KEK) / Kursus Ejen Perkapalan (KEP);
 - ✓ Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) / EPF.
- Permohonan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah atau seorang kakitangan pengurusan yang diberi kuasa secara bertulis.

5. TEMPOH KELULUSAN

- Tempoh kelulusan bagi permohonan baru adalah selama satu (1) tahun.
- Tempoh kelulusan bagi permohonan pembaharuan adalah sekurang-kurangnya dua (2) tahun, dengan syarat semua syarat-syarat kelulusan ejen kastam dipatuhi sepenuhnya.

6. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN PEMBAHARUAN?

- Setiap kelulusan ejen kastam adalah bertempoh dan perlu diperbaharui sebelum tarikh luput kelulusan.
- Kelulusan yang tidak diperbaharui akan menyekat transaksi pengikraran kastam dan pelepasan barang dari kawalan kastam.
- Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri dengan menggunakan format borang yang ditetapkan beserta dokumen sokongan yang mengandungi maklumat syarikat yang terkini dan sebarang dokumen tambahan yang dikehendaki oleh Pegawai Jabatan mengikut keperluan.
- Permohonan pembaharuan juga hendaklah dikemukakan tidak lewat dari empat belas (14) hari sebelum tarikh luput kelulusan.
- Semua tunggakan duti / cukai hendaklah dijelaskan sebelum permohonan pembaharuan dikemukakan.
- Permohonan pembaharuan yang dikemukakan selepas tarikh luput kelulusan akan dikenakan tindakan kompaun.

7. BAGAIMANA JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT?

- Syarikat hendaklah memaklumkan sebarang perubahan maklumat syarikat seperti perubahan nama, status, alamat premis, ahli lembaga pengarah, pegangan saham, kakitangan pengurusan dan kakitangan sokongan bersama dokumen-dokumen sokongan syarikat kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri bagi tujuan kelulusan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan berlaku.
- Kegagalan mengemukakan maklumat terkini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan berlaku akan dikenakan tindakan kompaun dan boleh mengakibatkan penggantungan sementara operasi sehingga kelulusan diperolehi atau pembatalan kelulusan selaras dengan Seksyen 90(4) Akta Kastam 1967 sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan.

8. BAGAIMANA EJEN KASTAM BOLEH DILANTIK?

- Ejen kastam tidak boleh bertindak bagi pihak pelanggan yang diwakilinya tanpa diberi kuasa secara bertulis oleh pelanggan tersebut.
- Perlantikan ejen kastam oleh syarikat pengimport / pengeksport boleh dikemukakan secara bertulis kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri di Unit Kawalan Ejen Negeri di mana dagangan akan dilepaskan.

- Pengimport / pengeksporthanya hanya dibenarkan untuk melantik tiga (3) ejen kastam bagi setiap negeri untuk menjalankan urusan pelepasan dagangan. Sekiranya memerlukan lebih daripada itu, mana-mana Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri yang berkenaan boleh mempertimbangkan untuk meluluskannya.

9. PENAMBAHAN KAKITANGAN SYARIKAT YANG BERURUSAN DENGAN JABATAN

- Syarikat boleh memohon untuk menambah kakitangan yang akan berurusan dengan Jabatan ke Unit Kawalan Ejen Negeri yang mengawal untuk kelulusan Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri.
- Kakitangan yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan adalah merupakan:
 - (i) Kakitangan yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh syarikat untuk berurusan dengan pihak Jabatan; dan
 - (ii) Telah lulus tapisan keselamatan Jabatan.
- Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
 - ✓ Surat permohonan syarikat;
 - ✓ Surat pengesahan kakitangan bekerja dengan syarikat;
 - ✓ Salinan Kad Pengenalan kakitangan syarikat; dan
 - ✓ Salinan Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

- Syarikat hendaklah membuat pemakluman secara bertulis kepada Unit Kawalan Ejen Negeri yang mengawal mengenai penamatan perkhidmatan kakitangannya dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penamatan perkhidmatan.
- Sebarang pertukaran kakitangan syarikat yang berurusan dengan Jabatan dari satu syarikat ke syarikat ejen yang lain mestilah mendapat kelulusan daripada Jabatan terlebih dahulu.

10. PAS PENGENALAN EJEN

- Setiap kakitangan syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan akan diberikan Pas Pengenalan Ejen dan hendaklah dipakai pada setiap masa ketika berurusan.
- Tempoh sahlaku pas adalah dalam tempoh masa yang sama dengan tempoh kelulusan sebagai ejen kastam dan hendaklah diperbaharui bersama semasa mengemukakan permohonan pembaharuan.
- Pas Pengenalan Ejen hendaklah dikeluarkan oleh Unit Kawalan Ejen Negeri di mana kakitangan syarikat hendak berurusan, dengan syarat kelulusan kakitangan syarikat tersebut telah diluluskan terlebih dahulu oleh Unit Kawalan Ejen Negeri yang mengawal.
- Pas tidak boleh digunakan apabila pemegangnya tidak lagi berkhidmat dalam syarikat berkenaan dan hendaklah dikembalikan.

- Kehilangan pas mestilah dilaporkan secara bertulis dengan segera. Sementara menunggu pengeluaran pas yang baru, pihak syarikat hendaklah mendapatkan surat kebenaran sementara daripada Unit Kawalan Ejen Negeri yang berkenaan. Surat ini perlu ditunjukkan kepada pihak Jabatan semasa urusan dibuat.

11. TINDAKAN SALAH LAKU

- Tindakan-tindakan berikut boleh dikenakan sekiranya ejen kastam didapati gagal mematuhi perundangan dan prosedur yang ditetapkan atau terlibat dalam kegiatan frod, penyelewengan, penyeludupan atau salah laku *due diligence* dan Kod Etika Ejen Kastam:
 - Pemberian amaran;
 - Pembatalan Pas Pengenalan Ejen;
 - Tempoh kelulusan disingkatkan;
 - Penggantungan sementara kelulusan;
 - Pembatalan kelulusan;
 - Syarikat ejen / kakitangan disenarai hitamkan; dan
 - Pencadangan tindakan kompaun atau pendakwaan di mahkamah.

12. PEMBATALAN / PENAMATAN KELULUSAN

- Syarikat boleh memohon untuk membatalkan kelulusan dengan memaklumkan kepada Jabatan secara bertulis.

- Syarikat yang tidak mengemukakan permohonan pembaharuan selepas tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat kelulusan akan dianggap tidak lagi berminat untuk meneruskan operasi dan kebenaran sebagai ejen kastam akan dibatalkan tanpa sebarang notis makluman.
- Kelulusan juga boleh dibatalkan oleh Jabatan pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang alasan dan notis makluman.

PERTANYAAN

Sebarang keterangan lanjut berkaitan panduan ini sila berhubung dengan:

Bahagian Perkastaman

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan

No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2

62596, Putrajaya.

Tel: 03 – 8882 2669 / 2749 / 2898